

# Majlis Bicara Aspirasi Pendidikan 2022, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan



**LABUAN**, 02 April 2022 – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Majlis Aspirasi Pendidikan 2022.

Kehadiran warga pendidik adalah seramai 285 orang yang terdiri daripada Majlis Pengurusan Tertinggi Jabatan, Focal Person, Pengetua & Guru Besar, YgDipertua PIBG, pegawai-pegawai jabatan dan wakil warga pendidik di setiap sekolah. Turut hadir bersama YBhgia. Datin Sri Dato' Hjh. Norsiah binti Abdullah, merupakan AJK Focal Person Jabatan Pendidikan WP.Labuan

Dalam majlis ini Timbalan Pengarah Sektor Perancangan Encik Mohd Nizam bin Yasim telah membentangkan Pelan Strategik jabatan bagi tahun 2022.

Dalam pembentangan tersebut, beliau telah menekankan tentang 9 Strategik jabatan dalam mencapai matlamat berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025.

Menerusi ucap tama pengarah Pendidikan Encik Yusup bin Haji Mohamad, beliau menekankan bahawa apapun kerja buat seluruh warga Pendidikan haruslah memberi fokus kepada Kemenjadian Murid dan Sekolah Berkualiti.

Disamping beliau juga menekankan beberapa isu antaranya, isu beg berat dalam kalangan murid-murid sekolah rendah.

SekolahKu Sejahtera digagaskan bagi memperkenalkan, mempromosi, dan meningkatkan kefahaman terhadap elemen-elemen sejahtera yang perlu diterap, dididik, diamalkan, dan dihayati sehinggalah menjadi budaya semua warga sekolah.

Majlis ini juga diselenggarakan dengan Pelancaran Saluran Aduan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan bertemakan Bersama Meningkatkan Kualiti Penyampaian Sistem Pendidikan. Banting turut diedarkan ke sekolah-sekolah di WP.Labuan.



Dari kiri Encik Nizam, Puan Maimoon, Encik Yusup, Encik Yahya dan Ustaz Abdul Rahman  
Majlis Aspirasi Pendidikan ,Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan 2022 telah dipengerusikan oleh Puan Maimoon binti Hj.Matnoh, Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, merupakan urusetia bagi majlis ini.

Majlis ini telah diadakan di Dewan Theatrette, Bagunan Utama Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan.

Majlis ini juga bersiaran langsung melalui Facebook Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Berita Oleh : Sektor Pengurusan Sekolah**





Gimik pelancaran Majlis Bicara Aspirasi Pendidikan 2022



Pembentangan Pelan Strategik JPWPL 2022 oleh Encik Mohd Nizam



Bersama warga pendidikan dan tetamu yang hadir



Encik Reza menerima hadiah kuiz daripada Encik Yusup